

# Ikhwān al-Muslimīn Bersatulah Sekarang.....!

Tegakkanlah jihad saudara-saudara untuk menegakkan agama Allah.

Menurut kenyataan dan keterangan yang diberi dan telah disampaikan kepada pengetahuan kita maka banyak tempat-tempat di Semenanjung Tanah Melayu ini perbalahan di antara yang dikatakan kaum tua dan muda sudah menjadi-jadi. Kita berkeyakinan bahawa perbalahan itu terbitnya bukan dari mereka yang mengerti cara bertukar-tukar fikiran atau pendapat tetapi ialah daripada murid dengan murid dan di antara pengikut dengan pengikut dan kerana itu timbullah di dalam masyarakat-masyarakat di kampung – yang seorang, mengkafirkan pihak lain, memurtadkan pihak lain dan begitu pula yang sepihak berbuat demikian sehingga pernah menjadi perkara-perkara buruk memburukkan iaitu apabila mati seseorang dari salah satu golongan, golongan yang lain di kampung itu tidak mahu ziarah dan tidak mahu bersama-sama mengebumikan jenazah itu. Perasaan permusuhan dan perpecahan dengan itu timbul. Masalah yang dipertengkarkan tidak lain dan tidak bukan ialah masalah yang sudah berjalan beribu-ribu tahun dahulu.

Akibat daripada permusuhan ini tidak mahu lagi mereka itu berjemaah sembahyang pada pihak yang satu dan demikianlah seterusnya perpecahan semakin hari semakin dalam sehingga membawa keruntuhan dan orang-orang luar yang memerhatikan hal-hal itu tertawa dan bergelak kerana dengan sendirinya mudah segala jarum dan hasutan dapat dimasukkan ke dalam sanubari mereka.

*Ikhwān al-Muslimīn!* Rasulullah meghendaki kita bersatu, Rasulullah meghendaki kita patuh dalam persatuan. Rasulullah menyuruh dan memerintah kita

menggalang persatuan. Saudara-saudara sudah melihat dan cukup menyedari bahawa kedudukan Islam di negara kita sekarang kucar-kacir, pemuda-pemuda kita tidak dipimpin, pemuda-pemuda kita, harus kerana melihat perpecahan-perpecahan di antara kita, menjauhkan dirinya dari pengajaran-pengajaran agama, menjauhkan diri dari masyarakat agama kerana di dalam jiwa mereka tidak mahu lagi mendengar pertelingkahan itu sebab membingungkan mereka - mengamankah harus diikuti oleh mereka.

Mereka melihat bahawa kedua-dua pihak itu sama-sama mengucap *Lā ilaha illa Allah Muḥammad Rasul Allah* tetapi di antara mereka itu kafir mengkafirkan tidak dapat mengikat tali persatuan. Mereka tentu bertanya mengapakah, maka terjadi demikian itu? Mengapa maka mereka berpecah belah? Jawab: Yang demikian ini semuanya tertanggung kepada alim ulama kita, tanggungjawab pengikut-pengikut kedua belah pihak.

Oleh sebab itu sangat perlu diperhati bahawa dalam perkembangan-perkembangan yang ada sekarang banyak perkara-perkara yang melanggar tauhid tidak kita endahkan sedang pertelingkahan yang kecil dibesar-besarkan dalam keadaan ini kita berharap di antara satu sama lain hendaklah hormat-menghormati faham masing-masing dan bekerjalah memajukan faham masing-masing dengan kebijaksanaan, dengan cara yang baik, dengan hujah-hujah yang baik. Janganlah di dalam pengertian itu kafir mengkafirkan dan biarkanlah mereka mengatakan: Ini faham kami dan ini pengertian kami. Dan lain pihak pula mengatakan: Faham kami mesti diikuti

dan tinggalkanlah pengertian itu hanya di dalam pengertian sefahaman serta janganlah diadakan tuduh-menuduh.

Bekerjalah bersungguh-sungguh dalam menjalankan cita-cita itu, kerana siapa yang baik siapa yang benar dia akan diterima oleh masyarakat dan akan mendapat pengikut-pengikut yang sepengertian dan bersefahaman dengannya. Di sebalik itu bersatu, wahai saudara-saudara *Ikhwān al-Muslimīn*, bersatulah dalam menghadapi perkara-perkara yang lebih besar. Bersatulah saudara-saudara di kampung untuk mendidik pemuda-pemuda, untuk mendidik anak-anak kepada pengertian tauhid, kepada pengertian mengesakan Allah, kerana pengertian itulah sahaja asas yang utama dan penting, kalau pendidikan tauhid ini tidak diutamakan maka sudah tentu akan luntur, luntur dan binasa. Ibadatnya tidak sempurna sebab tauhidnya tidak ada, asasnya tidak ditanam. Berilah kepada pemuda-pemuda itu pengertian tauhid dengan kadar yang boleh diterima oleh akal. Berilah pertunjuk dengan cara yang boleh diterima oleh akalnya – yang mudah bukan yang payah. Berilah tamsil tauhid dengan cara yang ringan yang dilihat dan dipandang dengan mata kasarnya. Gunakanlah kebijaksanaan di kala mengajar mereka dan dengannya ke manapun pemuda-pemuda itu dicampak atau pergi, insya-Allah, tidak akan runtuh daripada mengesakan Allah dan tidak akan menjauhkan diri daripada menjadi orang-orang yang sujud kepada Allah.

Wahai saudara-saudara *Ikhwān al-Muslimīn*! Sedar dan insafilah bahawa perpecahan itu sesungguhnya membawa keruntuhan dalam serba-serbinya. Ikutilah ajaran junjungan kita dalam mengikat persatuan. Bergotong-royonglah saudara-saudara di kampung bersama-sama membela keselamatan dan keadaan masyarakat saudara. Hidupkanlah semangat ukhuwah itu sebagaimana yang dikehendaki oleh junjungan kita yang banyak disebut oleh hadis-hadis. Kalau

saudara-saudara masih juga meninggalkan ukhuwah kerana mempertahankan pengertian-pengertian dan menjadikan pengertian itu paksaan diantara satu sama lain – yang satu menghendaki yang seorang tunduk dan sebaliknya yang seorang menghendaki yang lain tunduk kepada pengertiannya yang pada hal asas yang diutamakan ialah kitab Allah dan sunnah Nabi – maka sudah tentu perpecahan yang demikian itu akan ditanya di *yaum al-mahshar* dan saudara-saudara akan bertanggungjawab atas pertanyaan itu. Perhatikan sejenak wahai *Ikhwān al-Muslimīn* keadaan sekeliling kita. Perhatikan dengan tenang dan sabar serta selidik apa yang berlaku di hadapan masyarakat kita yang diterbitkan oleh perpecahan itu. Ingatlah bahawa tidak ada hak bagi seseorang manusia mengkafirkan orang lain dalam penegertian-pengertian atau fahaman-fahaman yang membawa perpecahan itu. Jika ada di antara ulama-ulama, baik yang manapun yang melakukan dan menghidupkan perpecahan itu, jauhilah dan berdirilah saudara-saudara membawa satu jemaah, jemaah baru yang berjiwa baru yang mencari jalan atau ikhtiar untuk merapatkan persaudaraan antara satu dengan yang lain. Beramah-tamahlah, bertukar kenallah dengan kata-kata yang baik. Antara sesama Islam hendaklah *ruḥamā' baynahum*, antara saudara-saudara hendaklah ada *ruḥamā' baynahum*. Dan seterusnya jika ada lagi perpecahan di kampung-kampung itu maka carilah satu jalan perdamaian, satu jalan berunding untuk membicarakan perpecahan itu supaya masyarakat kampung dan masyarakat kita tidak lagi terpengaruh kepada pengertian dan fahaman yang merosakkan ukhuwah dan persaudaraan Islam yang telah zaman berzaman melemahkan kedudukan kita. Insafilah wahai saudara-saudara *Ikhwān al-Muslimīn*. Galanglah persatuan bersama.